

06/03/2002

50 peratus wakil rakyat BN gagal hantar laporan

KUALA LUMPUR, Selasa - Sebanyak 50 peratus wakil rakyat Barisan Nasional (BN) gagal menyerahkan laporan kerja bulanan mereka kepada ibupejabat parti, kata Setiausaha Agong BN Tan Sri Mohamed Rahmat.

Beliau berkata, beliau sudah menghantar surat peringatan kepada semua wakil rakyat tetapi kebanyakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Ahli Parlimen masih gagal menghantar laporan mereka.

"Mereka perlu bertanggungjawab dan menghantar laporan kerja kerana saya perlu menyiapkan laporan mengenainya kepada Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat dengan setiausaha BN negeri di ibupejabat BN, di sini petang ini.

Pada masa ini BN mempunyai 379 Adun dan 148 Ahli Parlimen.

Arahan yang berkuatkuasa tahun lalu itu menetapkan semua wakil rakyat BN menyiapkan laporan kerja mengikut format yang ditetapkan ibu pejabat bagi memudahkan pemantauan, di samping memastikan manifesto BN pada pilihan raya umum lalu dilaksanakan secara berkesan.

Sehubungan itu, Mohamed meminta semua wakil rakyat menyerahkan laporan kerja berkenaan secepat mungkin.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, sempena memperingati ulang tahun kongsi kuasa BN selama 50 tahun, BN akan melancarkan beberapa program memperingati masyarakat mengenai kejayaan itu.

Antara program ialah konvensyen BN peringkat negeri mulai 28 Mac ini di Selangor dan diikuti negeri lain. Di samping itu, Program Mesra Rakyat juga akan diadakan untuk mendekati rakyat.

(END)